



**NOTIS SEBUT HARGA
PERBADANAN PUTRAJAYA**

No. Sebut Harga : PPj/SH(S)/JL/17/2021

Tajuk Sebut Harga:

**KERJA-KERJA FLORIKULTUR UNTUK KOMPLEKS PERBADANAN PUTRAJAYA,
PRESINT 3, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA BAGI TEMPOH TIGA (3) TAHUN**

1. Sebut harga adalah dipelawa daripada **Kontraktor Bumiputera** yang berdaftar dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM/CIDB)**, **Pusat Khidmat Kontraktor (PKK)**, **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)** beralamat di **Wilayah Persekutuan Putrajaya, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Selangor sahaja** untuk Gred G3 , Kategori B – Bangunan (B) Pengkhususan B09 – Landskap Dalam Bangunan untuk melaksanakan projek tersebut diatas serta berpengalaman dalam bidang berkaitan.
2. Kehadiran Kontraktor / Syarikat bagi taklimat dan lawatan tapak adalah **TIDAK DIWAJIBKAN**. Kontraktor / Syarikat yang berminat boleh mendapatkan maklumat berkaitan sebut harga berkenaan pada pautan Portal Perbadanan Putrajaya. Dokumen sebut harga boleh didapati semasa waktu pejabat pada **13 April 2021 (Selasa)** hingga **16 April 2021 (Jumaat)** dengan bayaran secara tunai sebanyak **RM 50.00** di **Aras 1, Bahagian Perolehan dan Ukur Bahan, Jabatan Kewangan, Blok C, Kompleks Perbadanan Putrajaya, 24, Persiaran Perdana, Presint 3, 62675 Wilayah Persekutuan Putrajaya.**
3. Kontraktor dikehendaki membawa dokumen-dokumen **Asal** dan **Satu (1) Salinan** sijil yang berkaitan. Wakil-wakil kontraktor adalah **diwajibkan** untuk membawa surat perwakilan kuasa yang ditandatangani oleh **Pemilik Syarikat** untuk membeli dokumen sebut harga.
4. Semua Borang Sebut harga yang telah lengkap diisi hendaklah dikembalikan kepada alamat seperti yang tertera di atas tidak lewat dari Jam **12.00** tengahari pada **22 April 2021 (Khamis)** .
5. Perbadanan Putrajaya tidak akan mengeluarkan sebarang dokumen bagi tujuan merentas daerah / negeri dan semua urusan berkaitan dokumen sebut harga ini perlu mematuhi Prosedur Operasi Piawai (SOP) yang berkuatkuasa.

(NIK SHUKRI BIN NIK SOH)

NAIB PRESIDEN

**Jabatan Landskap dan Taman
Perbadanan Putrajaya**